



TIMBA PENGALAMAN BERHARGA DI CHINA: Cik Syarafina (*kanan*) dan Cik Khairunisa sering melakukan projek sekolah mereka bersama-sama sepanjang tiga tahun di Politeknik Singapura. Di antara kenangan manis yang dikongsi bersama merupakan lawatan ke negeri Cina bagi projek pemasangan interaktif bagi pameran 'Teaching Project Cooperation' dengan kolaborasi Akademi Seni Halus Guangzhou.

Sanggup ke China siapkan pemasangan interaktif pameran

MESKIPUN tidak fasih berbahasa Mandarin, mereka tetap merebut peluang ke China bagi projek tahun akhir mereka.

Yang jelas, ia antara pengalaman terbaik pernah dilalui pasangan rakan karib dalam jurusan reka bentuk interaktif itu sepanjang tiga tahun mereka menuntut di Politeknik Nanyang (NYP).

Di China, Cik Khairunisa Mohd Helmi dan Cik Syarafina Hadman melakukan projek pemasangan interaktif bagi pameran 'Teaching Project Cooperation' dengan kolaborasi Akademi Seni Halus Guangzhou.

Walaupun program pertukaran itu hanya mengambil masa tiga minggu, ia memperluas pengetahuan mereka di luar sempadan Singapura.

"Saya lebih teliti dan memahami reka bentuk dengan lebih mendalam. Saya pelajari kemahiran tradisional orang Cina yang berbeza daripada cara orang Singapura," kata Cik Syarafina, 20 tahun.

Cik Khairunisa, 21 tahun, berpendapat bahawa beliau meraih ilmu baru.

"Sebelum ini, saya hanya tahu reka bentuk dan pengekodan secara asas, namun saya mempelajari teknik seperti pendawaian baru," katanya.

Menurut kedua rakan karib itu, sepanjang tiga tahun dalam jurusan Reka Bentuk Interaksi (Interaction Design) di NYP, mereka saling memberi sokongan antara satu sama lain.

"Kami telah menghasilkan tiga pro-

jek bersama dan kami saling membantu, lebih-lebih lagi dalam subjek lebih sukar," kata Cik Syarafina, yang kini menjadi pereka grafik bebas.

Kedua mereka yakin mengenai potensi bidang reka bentuk interaktif pada masa akan datang.

"Saya berhasrat melanjutkan pengajian di Sekolah Seni, Reka Bentuk dan Media (ADM) di Universiti Teknologi Nanyang," kata Cik Khairunisa.

Bagi Cik Syarafina pula, beliau berhasrat mendapat pekerjaan dalam industri pengiklanan dan pemasaran.

Menceritakan pengalaman menyiapkan projek di China, Cik Khairunisa berkata mereka berasa bertuah rakan-rakan mereka membantu menjadikannya penterjemah.

Cik Syarafina pula mengambil peluang ke China untuk mengasah pengetahuannya dalam bahasa Mandarin.

"Walaupun ada halangan dari segi bahasa, ia tidak menimbulkan masalah besar kerana saya pernah belajar bahasa Mandarin sedikit sendiri," ujar Cik Syarafina.

Meskipun tidak berada dalam kumpulan yang sama, mereka berkongsi pengalaman manis ketika berada di China.

"Pengalaman yang tidak boleh dilupakan adalah apabila kami perlu menaiki basikal ke sekolah yang terletak agak jauh dari tempat kami tinggal. Saya terpaksa membonceng basikal yang ditunggang kawan saya," ujarnya.